

TARIKH	11 / 5 / 2016	SEKSYEN	Mega Agama
MUKA SURAT	20,21	RUANGAN	

agama >

NOTA: ** Dam sekali sahaja walaupun berlaku berkali-kali dalam tempoh satu ihram dan tidak berdosa jika atas dasar keperluan.

TARAFFUH - merujuk kepada larangan kategori bersifat perkara yang disukai. Hanya dikenakan Dam sekiranya sengaja melakukannya. Berdosa jika sengaja dan tidak berdosa jika tidak sengaja.

• sambungan dari keluaran 6 Mei

Dam dalam ibadah haji, umrah






bicara haji

Oleh **TENGGU AZIZ RAJA ABDULLAH**
Pengurus Besar (Bimbingan)
Lembaga Tabung Haji
(tgaiz@th.gov.my)



GARIS PANDUAN PEMBAYARAN DAM JENIS/ BAYARAN DAM

1. DALAM BAB LARANGAN IHRAM (SEMASA DALAM IHRAM)	PILIHAN 1	PILIHAN 2	PILIHAN 3	CATATAN
BIL JENIS KESALAHAN-HUBUNGAN SEKSUAL				
1.11 Melakukan pendahuluan persetubuhan di dalam ihram:-				
a. Sentuh tanpa berlapik (mubasyarah) beserta syahwat antara lelaki dan wanita. (Lelaki sahaja wajib membayar Dam)	Menyembelih seekor kibas atau kambing atau 1/7 daripada lembu atau unta serta daging disedekahkan kepada penduduk miskin di Tanah Haram (Mekah, Muzdalifah dan Mina) ATAU ➡	Bersedekah kepada enam orang fakir miskin di Tanah Haram (Mekah, Muzdalifah dan Mina) sebanyak dua cupak makanan setiap seorang (secupak SR5 x 2 cupak = SR10 x 6 orang = SR60) ATAU ➡	Berpuasa selama tiga hari di mana-mana tanpa syarat berturut-turut.	<i>Kategori Taraffuh:-</i> Jika dilakukan dengan sengaja dikenakan Dam. Sekiranya lupa atau tak sengaja tidak dikenakan Dam. <i>Jenis Dam Takhyir dan Taqdir</i>
b. Sentuh berlapik (ghair mubasyarah) beserta syahwat antara lelaki dan wanita.			Tidak dikenakan dam tetapi berdosa	
c. Sentuh tanpa berlapik (mubasyarah) beserta syahwat antara lelaki dan lelaki / wanita dan wanita. (Kedua-duanya dikenakan Dam)	Menyembelih seekor kibas atau kambing atau 1/7 daripada lembu atau unta, serta daging disedekahkan kepada penduduk miskin di Tanah Haram (Mekah, Muzdalifah dan Mina) ATAU ➡	Bersedekah kepada enam orang fakir miskin di Tanah Haram (Mekah, Muzdalifah dan Mina) sebanyak dua cupak makanan setiap seorang (secupak SR5 x 2 cupak = SR10 x 6 orang = SR60) ATAU ➡	Berpuasa selama tiga hari di mana-mana tanpa syarat berturut-turut.	
1.12 Berkahwin / mengahwinkan / menerima wakil kahwin bagi lelaki dan wanita:- Perkahwinan tidak sah dan berdosa tetapi tidak dikenakan Dam.				
1.13 Bersetubuh: (Bayaran Dam hanya untuk lelaki sahaja. Jika dilakukan dengan sengaja berdosa dan dikenakan Dam. Sekiranya lupa atau tidak sengaja tidak dikenakan dam. (Bermaksud tidak mengetahui bahawa perkara itu dilarang dalam ihram)				
a. Jika berlaku sebelum tahallul awal/ tahallul umrah	Menyembelih seekor unta yang boleh dibuat qurban, jika tidak mampu; Menyembelih seekor lembu, jika tidak mampu; Menyembelih tujuh ekor kambing; JIKA TIDAK MAMPU ➡	Beli makanan asasi mengikut nilai seekor unta dan disedekahkan kepada penduduk miskin di Tanah Haram (Mekah, Muzdalifah dan Mina) JIKA TIDAK MAMPU ➡	Berpuasa sebanyak bilangan cupak makanan bernilai seekor unta.	Dam bagi suami sahaja. Suami dan isteri wajib selesaikan amalan rukun-rukun haji / umrah dan wajib qada dengan segera. <i>Jenis Dam Tertib dan Ta'dil</i>
b. Jika berlaku selepas tahallul awal / atau selepas rosak haji / umrah	Menyembelih seekor kibas atau kambing atau 1/7 daripada lembu atau unta, serta daging disedekahkan kepada penduduk miskin di Tanah Haram (Mekah, Muzdalifah dan Mina) ATAU ➡	Bersedekah kepada enam orang fakir miskin di Tanah Haram (Mekah, Muzdalifah dan Mina) sebanyak 2cupak makanan setiap seorang (secupak SR5 x 2 cupak = SR10 x 6 orang = SR60) ATAU ➡	Berpuasa selama tiga hari di mana-mana tanpa syarat berturut-turut.	Dam bagi suami sahaja. <i>Jenis Dam Takhyir dan Taqdir</i>

TARIKH	11 / 5 / 2016	SEKSYEN	Mega Agama
MUKA SURAT	20, 21	RUANGAN	

2.	DALAM BAB - HAJI DAN UMRAH	PILIHAN 1	PILIHAN 2	PILIHAN 3	CATATAN
	<p>Meninggalkan Wajib Haji dan Wajib Umrah</p> <p>Setiap perkara yang ditinggalkan dalam Bab Wajib Haji dan Umrah dikenakan Dam mengikut bilangannya</p> <p>i. Tidak berniat ihram di miqat yang sepatutnya</p> <p>ii. Tidak bermalam di Muzdalifah</p> <p>iii. Tidak melontar di Jamrah Kubra (untuk lontaran hari pertama)</p> <p>iv. Tidak bermalam di Mina (ketiga-tiga malam)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jika satu malam tidak bermalam di Mina, Dam satu cupak beras. Kalau tidak bermalam dengan sengaja berdosa • Jika dua malam tidak bermalam di Mina, Dam dua cupak beras. Kalau tidak bermalam dengan sengaja berdosa <p>v. Tidak melontar anak batu di tiga jamrah (Jamrah Sughra, Jamrah Wusta dan Jamrah Kubra)</p>	<p>Menyembelih seekor kambing atau kibas atau 1/7 lembu atau unta yang mencukupi syarat untuk dibuat qurban</p> <p>JIKA TIDAK MAMPU →</p> 	<p>Puasa 10 hari - tiga hari pada masa ihram haji (sebelum hari Wuquf) dan tujuh hari apabila sampai ke kampung masing-masing</p> <p>JIKA TIDAK MAMPU →</p>	<p>Sedekah sebanyak 10 cupak makanan asasi</p> <p>JIKA TIDAK MAMPU ↓</p> <p>Tertanggunglah di atas zimmahnya</p>  	<p><i>Jenis Dam Tertib dan Taqdir</i></p>
		<p>Menyembelih seekor kambing atau kibas atau 1/7 lembu atau unta yang mencukupi syarat untuk dibuat qurban</p> <p>JIKA TIDAK MAMPU →</p>	<p>Puasa 10 hari - tiga hari pada masa ihram haji (sebelum hari Wuquf) dan tujuh hari apabila sampai ke kampung masing-masing</p> <p>JIKA TIDAK MAMPU →</p>	<p>Sedekah sebanyak 10 cupak makanan asasi</p> <p>JIKA TIDAK MAMPU ↓</p> <p>Tertanggunglah di atas zimmahnya</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jika kurang dua batu lontaran, Dam dua cupak beras • Jika kurang tiga batu atau lebih, Dam seekor kambing atau kibas atau 1/7 lembu atau unta <p><i>Jenis Dam Tertib dan Taqdir</i></p>
3.	Melaksanakan cara Haji Tamattu' atau Qiran menurut syarat-syaratnya	Menyembelih seekor kambing atau kibas atau 1/7 lembu atau unta yang mencukupi syarat untuk dibuat qurban	Puasa 10 hari - tiga hari pada masa ihram haji (sebelum hari Wuquf) dan tujuh hari apabila sampai ke kampung masing-masing	Sedekah sebanyak 10 cupak makanan asasi	<i>Jenis Dam Tertib dan Taqdir</i>
4.	Luput wukuf di Arafah setelah berniat ihram			JIKA TIDAK MAMPU ↓	
5.	Meninggalkan tawaf Wada' tanpa uzur Syari'e	JIKA TIDAK MAMPU →	JIKA TIDAK MAMPU →	Tertanggunglah di atas zimmahnya	
6.	Melanggar nazar semasa mengerjakan haji				
7.	Berlaku Ihsar, iaitu tertahan daripada menyempurnakan haji atau umrah setelah niat ihram haji atau umrah (Sama ada tidak boleh masuk Mekah atau datang haid (yang tidak niat bersyarat) atau apa-apa saja yang terhalang daripada selesai amalan haji atau umrah setelah niat ihram haji atau umrah	Menyembelih seekor kambing atau kibas	Membeli makanan dengan nilai harga seekor kibas/ kambing dan disedekahkan pada penduduk tempat tahallul.	Jika tidak berkuasa hendaklah berpuasa beberapa hari sebanyak bilangan cupak makanan yang dapat dibeli dengan nilai seekor kambing satu cupak bersamaan satu hari.	Menyembelih binatang tersebut beserta niat untuk tahallul setelah meninggal Makkah melebihi dua marhalah atau sampai di tanah air.